

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/02/22 - 8

TIADA LAGI PENCETAKAN DAN PENGEPOSAN BORANG NYATA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa tiada lagi pencetakan dan pengeposan Borang Nyata (BN) berikut:

- Borang E bagi majikan bukan Syarikat mulai Tahun Saraan 2018;
- Borang BE, B, M, P, TP, TJ dan TF mulai Tahun Taksiran 2018; serta
- Borang C1, PT, TA, TC dan TR mulai Tahun Taksiran 2019.

Penamatan pencetakan dan pengeposan BN ini adalah sebagai inisiatif LHDNM untuk menggalakkan pembayar cukai agar menggunakan kemudahan sistem e-filing selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan penggunaan aplikasi digital serta melestarikan alam sekitar di Malaysia (*Go Green Campaign*).

Sekiranya majikan dan pembayar cukai yang bukan terdiri daripada Syarikat serta ejen cukai masih hendak mengemukakan BN kertas, mereka perlu memuat turun dan mencetak sendiri BN format PDF dari Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my > menu Borang > Muat Turun Borang. Borang PDF yang dicetak untuk tujuan pengemukakan hendaklah mematuhi spesifikasi cetakan seperti di **Lampiran**. Borang yang tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan akan **DIANGGAP TIDAK DITERIMA** dan dikembalikan semula kepada majikan / pembayar cukai.

Pemakluman ini tidak terpakai kepada majikan dan pembayar cukai Syarikat yang diwajibkan menggunakan e-Filing bagi mengemukakan Borang C (berkuat kuasa mulai Tahun Taksiran 2014) dan Borang E (berkuat kuasa mulai Tahun Saraan 2016).

Bagi sebarang pertanyaan dan kemusykilan, sila layari Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau hubungi Hasil Care Line di talian 1-800-88-5436.

Sekian, terima kasih.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

SOARING TO GREATER
EXPECTATIONS

M A L A Y S I A

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 22 Februari 2019



/LHDNM



/LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube

LAMPIRAN



MAKLUMAT PENTING

1. Pengemukaan borang nyata melalui e-Filing diwajibkan bagi majikan dan pembayar cukai yang terdiri daripada syarikat dan syarikat Labuan (Syarikat) / Mandatory submission of return forms via e-Filing for employers and taxpayers which are companies and Labuan companies (Companies)

Kategori Majikan / Pembayar Cukai Category of Employer / Taxpayer	Wajib e-Filing / Mandatory e-Filing	
	Borang e-E / Form e-E	Borang e-C / Form e-C
Syarikat / Companies	Mulai Tahun Saraan 2016 / Commencing Year of Remuneration 2016	Mulai Tahun Taksiran 2014 / Commencing Year of Assessment 2014

Borang nyata kertas, jika dikemukakan oleh Syarikat adalah **DIANGGAP TIDAK DITERIMA** bagi maksud subseksyen 77A(1A) dan 83(1B) dan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Paper return, if submitted by a Company is **NOT DEEM RECEIVED** for the purpose of subsections 77A(1A) and 83(1B) of the Income Tax Act 1967.

2. Penamatan pencetakan dan pengeposan borang nyata kepada majikan dan pembayar cukai / Cessation of printing and posting of return forms to employers and taxpayers

Bil. / No.	Jenis Borang / Form Type	Tidak Mencetak dan Tidak Mengepos Borang Nyata / Cessation of Printing and Posting of Return Forms
i.	Borang E bagi majikan bukan Syarikat / Form E for non-corporate employers	Mulai Tahun Saraan 2018 / Commencing Year of Remuneration 2018
ii.	Borang BE, B, M, P, TP, TJ dan TF / Forms BE, B, M, P, TP, TJ and TF	Mulai Tahun Taksiran 2018 / Commencing Year of Assessment 2018
iii.	Borang C1, PT, TA, TC dan TR / Forms C1, PT, TA, TC and TR	Mulai Tahun Taksiran 2019 / Commencing Year of Assessment 2019

Majikan dan pembayar cukai bukan Syarikat yang masih hendak mengemukakan borang nyata kertas perlu memuat turun dan mencetak sendiri borang nyata format PDF berkenaan dari Portal Rasmi LHDNM: Laman Utama > Borang > Muat Turun Borang

Non-corporate employers and taxpayers who wish to submit paper return are required to download and print the PDF format of the relevant return form from the LHDNM Official Portal: Home Page > Forms > Download Forms

3. Syarat-syarat Cetakan Borang PDF / PDF Form Printing Requirement

Borang-borang PDF tersebut yang dicetak untuk tujuan pengemukaan hendaklah mematuhi spesifikasi cetakan berikut:

The mentioned PDF forms printed for the purpose of submission must comply with the following printing specifications:

- i. **Jenis Kertas** : **Plain A4 (210mm x 297mm) / 80 gsm**
Paper Type (minimum)
- ii. **Orientasi Kertas** : **Potrait**
Paper Orientation
- iii. **Teknologi Cetakan** : **Laser**
Printing Technology
- iv. **Warna Cetakan** : **Pure Black / Monochrome**
Printing Colour
- v. **Kualiti Cetakan** : **Single sided / 1 sheet per page / 300 dpi**
Printing Quality

Borang yang tidak memenuhi spesifikasi di atas akan dikembalikan kepada pembayar cukai berkenaan dan **DIANGGAP TIDAK DITERIMA**.

Forms which do not fulfill the above specifications shall be returned to the taxpayers and **DEEM NOT RECEIVED**.

Majikan dan pembayar cukai adalah digalakkan mengguna e-Filing /
Employers and taxpayers are encouraged to use e-Filing

